



**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
(KELANTAN)**

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA  
DALI OMAR  
LAGENDA BOLA SEPAK MALAYSIA**

**OLEH:**

<b>MUHAMMAD AMMAR BIN MOHD NOOR</b>	<b>2013537703</b>
<b>MUHAMAD NAZIFI IZHAN BIN ZULBAKIA</b>	<b>2013156579</b>

**PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA  
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN  
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS  
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN  
SEMESTER 05 (MAC 2015 – JULAI 2015)**

TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA  
DALI OMAR  
LAGENDA BOLA SEPAK MALAYSIA

OLEH:

MUHAMMAD AMMAR BIN MOHD NOOR	2013537703
MUHAMAD NAZIFI IZHAN BIN ZULBAKIA	2013156579

PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA  
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN  
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS  
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN  
SEMESTER 05 (MAC 2014 – JULAI 2015)

# **PENGHARGAAN**

# PENGHARGAAN

Assalamualaikum W.B.T dan selamat sejahtera

Di kesempatan ini, kami ingin memanjangkan syukur keatasNya atas limpah kudrat kekuatan dari segi fizikal dan mental, akhirnya kami dapat menyiapkan tugas ini iaitu pendokumentasian sejarah lisan. Dengan rendah diri kami juga amat berterima kasih kepada tokoh pilihan kami iaitu Dali Bin Omar kerana banyak membantu kami sepanjang perjalanan proses tugas ini. Beliau bukan sahaja banyak membantu dari segi aspek sesi temubual, tetapi beliau juga banyak memberi tunjuk ajar berkenaan dengan pendokumentasian projek ini. Sekalung penghargaan juga kepda pensyarah kami iaitu Puan NurulAnnisa binti Abdullah juga banyak memberi panduan tentang sebelum, semasa dan selepas proses tugas ini dan juga mengajar dari segi selok-belok adab dan tatasusila ketika berkomunikasi dengan tokoh. Pensyarah-pensyarah dari fakulti pengurusan maklumat, UiTM Kelantan juga banyak terlibat secara langsung dan tidak langsung berkenaan dengan proses berhubung dengan tokoh dan pembinaan moral secara psikologi ketika berhadapan dengan tokoh.

Tidak lupa juga sekalung penghargaan kepada para ibu bapa dan rakan-rakan yang memberi sokongan moral kepada kami ketika proses menyiapkan tugas ini. Kami juga mengucapkan terima kasih kepada para staff akademik dan juga bukan akademik UiTM Kelantan kerana memberi maklumat berkaitan tugas ini.

# ABSTRAK

# ABSTRAK

**Abstrak:** *Temubual ini adalah antara tokoh pilihan iaitu Dali Bin Omar dan pelajar sebagai penemuramah, Muhammad Ammar Bin Mohd Noor dan Muhammad Nazifi Izhan Bin Zulfakia. Sesi temubual ini berlangsung di rumah beliau, Binjai. Pada tanggal 3 Mei 2015 dan jam 1.00 tengahari, sesi temubual tersebut berlangsung dan ia berakhir pada 3.00 tengahari. Perkara-perkara yang diajukan kepada tokoh pilihan ialah berkenaan dengan latar belakang, perkembangan kerjaya beliau secara umum, pengalaman di bidang bola sepak, dan berkenaan dengan peniktirafan beliau sebagai lagenda bola sepak kelantan. Secara tuntasnya, beliau banyak memberi input dan output terhadap kepada penemuramah tentang dunia bola sepak sekarang dan keadaan bola sepak global.*

**Kata kunci:** *Dali Bin Omar, Binjai, dunia bola sepak, bola sepak global.*

# ISI KANDUNGAN

# ISI KANDUNGAN

PENGHARGAAN .....	1
ABSTRAK .....	3
ISI KANDUNGAN .....	5
BIODATA TOKOH .....	7
TRANSKRIP .....	12
LAMPIRAN .....	44
LAMPIRAN 1 (LOG WAWANCARA) .....	45
LAMPIRAN 2 (DIARI KAJIAN) .....	49
LAMPIRAN 3 (SENARAI SOALAN) .....	50
Soalan Mengenai Latarbelakang. ....	50
Soalan mengenai bola sepak .....	50
Pasukan Malaysia Dulu dan Sekarang. ....	52
Kecerdasan Dan Kecergasan Pemain Bola Sepak .....	53
LAMPIRAN 4 (SURAT PERJANJIAN) .....	54
LAMPIRAN 5 (GAMBAR BERSAMA TOKOH) .....	55
INDEKS .....	56



# BIODATA TOKOH

# BIODATA TOKOH



Rajah 1: Dali Omar

(Sumber: Google)

Jadual 1: Biodata Dali Omar

Nama	Dali bin Omar
Umur	69
Tinggi	5'6 / 168cm
Berat	65kg
Posisi	Forward
Pasukan pertama	Kelantan
Pendidikan	Sekolah Menengah King George V, Seremban Sederhana.
Bidang	Ahli Sukan
Pekerjaan	Pemain bola kebangsaan
Pengiktirafan	<ul style="list-style-type: none"><li>I. Tercalon sebagai antara 25 pemain Malaysia terbaik</li><li>II. Penjaring terbanyak pada 1963 in Kejohanan Remaja Asia at Saigon</li><li>III. Menjaringkan 21 daripada 28 gol untuk Kelantan di Piala Malaysia 1970</li><li>IV. Pemain Malaysia pertama bermain di luar negara</li></ul>

Sumbangan

- I. Bermain untuk Kelantan pada tahun 1962 ketika berumur 16 tahun
- II. Mewakili pasukan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) pada tahun 1963 ketika berumur 17 tahun.
- III. Membantu Malaysia untuk menang dalam Kejohanan Remaja Asia pada 1963
- IV. Membantu Angkatan Tentera Malaysia (ATM) ke perlawanan akhir Piala Malaysia 1967.
- V. Membantu Kelantan ke perlawanan akhir Piala Malaysia 1970

# PENGENALAN

# Pengenalan

Kami telah mendapat satu tugas daripada pensyarah kami untuk menjalankan satu sesi temuramah bersama tokoh untuk mengetahui mengenai sejarah atau sumbangan seseorang tokoh itu di dalam bidangnya. Tujuan utama kami mengadakan temubual ini adalah untuk memberi pengalaman menebual tokoh yang dikenali masyarakat di samping dapat menjaga dan menyimpan maklumat atau ilmu sejarah lisan ini. Sesi temubual ini dilakukan untuk memenuhi jam kredit dan juga kerja kursus yang telah di berikan oleh pensyarah kami iaitu Puan NurulAnnisa bt Abdullah di dalam matapelajaran Oral History (sejarah lisan). Selain itu temubual ini juga dilakukan untuk menambah pengetahuan kami di samping dapat menjaga sejarah atau pengetahuan seseorang di dalam sesuatu bidang yang diceburinya. Oleh itu saya, Muhammad Ammar Bin Mohd Noor dan Muhammad Nazifi Izhan Bin Zulbakia telah memilih untuk menemubual cikgu Dali Bin Omar sebagai tokoh kami untuk di temu bual. Pemilihan tokoh ini berdasarkan sumbangan beliau kepada dunia bola sepak walaupun dalam usia yang masih muda..

Beliau yang merupakan seorang legenda bola sepak Kelantan dan pemain Malaysia yang bermain di luar negara. Hal ini telah menyebabkan beliau semakin dikenali dan dihormati. Beliau juga aktif dalam menyampaikan beberapa komen tentang bola sepak di dalam Malaysia. Beliau juga banyak memberikan sumbangan kepada Kelantan dan juga Malaysia di dalam bidang bola sepak. Hal ini telah menyebabkan kami berminat untuk menjadikan beliau tokoh kami untuk di temu bual. Pemilihan tokoh ini dibuat selepas kami berjumpa dan berbincang dengan pensyarah kami dan meluluskan untuk kami menemubual Dali Bin Omar. Seterusnya kami melakukan temubual tersebut pada 3 Mei 2015.

Temubual ini dijalankan di rumah beliau, di Kampung Binjai. Ianya juga mengambil masa selama satu jam tujuh belas minit. Kami telah membahagikan soalan berdasar kepada beberapa bahagian iaitu latar belakang tokoh, perkembangan kerjaya, dan pengalaman beliau di bidang bola sepak. Soalan soalan ini ditujukan kepada beliau sepanjang sesi temubual ini berlangsung. Untuk mendapatkan maklumat yang lebih lanjut kami telah menemubual beliau di rumahnya. Beliau memberikan kerjasama yang baik sehingga kami dapat menyiapkan tugas ini.

# TRANSKRIP

# TRANSKRIP

Temubual ini adalah antara tokoh pilihan iaitu Dali bin Omar dan pelajar sebagai penemuramah, Muhammad Ammar bin Mohd Noor dan Muhammad Nazifi Izhan bin Zulfakia. Sesi temubual ini berlangsung di rumah beliau, Kampung Binjai, Bachok, Kelantan. Pada tanggal 3 Mei 2015 dan jam 1.00 tengah hari, sesi temubual tersebut berlangsung dan berakhir pada 3:00 tengah hari. Berikut adalah hasil rakaman.

Petunjuk:

DO: Tuan Dali bin Omar

MA: Muhammad Ammar bin Mohd Noor

## BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG

MA: Okey [Baiklah] Kami dari *UITM* [Universiti Teknologi MARA] Machang. Kami akan *buat* [memulakan] sesi *interview* [temuduga] *dengan* [bersama] tuan. Pertama sekali kami *nak* [mahu] bertanya, boleh tak tuan cerita sedikit mengenai *background* [latar belakang] tuan.

DO: Latar belakang saya nya-- Saya ni *dilahirnya* [dilahirkan] di hulu Kelantan itu, Gua Musang. Bertam nama tempat *dia* [tersebut]. Masa tu [itu]-- Dalam Bahasa Jepun lah 'Lagenda Abe' dari Jepun tu kan—46' [1946]. Jadi, Selepas pada *tu* [itu], *beralih* [berpindah] ke Kota Bharu. Umur *enam* [6] bulan *ke* [atau] *tujuh* [7] bulan. Duduk [Tinggal] *dengan* [Bersama] mak tiri, mak angkat, bapa saudara. Dia lah yang pelihara saya nya. Jadi saya *ni* [ini] orang hulu lah. Tak [Tidak] ada kereta tak [tidak] ada apa. *Beranak* [Dilahirkan] di atas rakit. Tak [tidak] ada kereta, *tak* [tidak] ada apa. *Kita* [Kami] berhanyut [bergerak] dengan perahu sahaja *balik* [pulang] Kota Bharu *ni* [ini] pada zaman Jepun tu [itu] kan--, Saya umur *lima enam tahun* [5 atau 6 tahun]. Jadi saya main bola—, *Pungut* [Memungut] bola *dulu* [dahulu] lah. Sampai *kena* [terkena] belakang ni, [ini] dada ni [ini] Bangun balik [semula], *pungut bola balik* [semula]. Jadi—, *Kita* [saya] pun minat. Umur 6 tahun *dah* [sudah] main dengan orang tua dah. Masa itu padang *cerca* [biasa]. stadium sekarang itu kan, dan saya telah *set target* [meletakkan matlamat]. Saya akan menjadi yang paling baik, yang paling masyhor. Hajat saya *dah* [sudah] ada daripada saya *kecik* [kecil] lagi. Jadi saya berlatih bersungguh-sungguh di belakang takbir, di luar takbir belajar *saja* [sahaja] lah. Sekolah tak [tidak] bagus lah Saya mengaku *tu* [itu]—. Sampai form [tingkatan] 4 je kan. *Tapi* [tetapi]-- ya lah, daripada situ saya pergi-- 9 tahun bapa saya *transfer* [pindah]—Bapa angkat saya transfer *di* [ke] Negeri Sembilan. dan pada masa itu bermain under [di bawah] 9 tahun. Lepas pada *tu* [itu],, bermain untuk belasan *under fifteen*. [bawah 15 tahun]. Lepas pada *tu* [itu] meningkat, meningkat, meningkat--



bermain untuk *under 16*, [bawah 16 tahun] *under 19* [bawah 19 tahun]. Lepas pada *tu* [itu], saya tukar [berpindah] ke 'Sekolah King George V' di Seremban. Jadi saya *main* [mewakili] Malaysia. 1918 lah masa *tu* [itu] pergi Saigon. Lepas pada *tu* [itu], *balik* [pulang] lah. Balik saya *masuk* [bekerja sebagai] askar dulu-- bawa *askar* [pasukan askar] masuk 'Final Piala Malaysia'-- tahun 67 [1967]. Tiga [3] hingga empat [4] tahun sahaja saya bermain—Boleh lah, maknanya kan. pasal [sebab] kita ada kelebihan kita *punya* [mempunyai] *speed* [kelajuan], saya punya sepak bola *tu* [teknik sepak bola], *ball control* [kebolehan mengawal bola], *shooting power* [kekuatan sepakan] *macam* [seperti] boleh dikatakan berbahaya.

## BAHAGIAN 2: BERKENAAN BOLA SEPAK

MA: Siapakah pemain bola yang menjadi inspirasi ketika itu?

DO: Saya *dahulu* [meminati] George Best.

MA: Sebab apa? [Apakah sebab tuan meminati George Best].

DO: *Pasal* [Sebab] dia bermain seperti saya, dia lincah, dia *speed ada* [mempunyai kelajuan]. Pele mempunyai kekurangan tetapi *dia* [George Best] lebih lincah lagi, pantas, *speed* [kelajuan] ada, semua ada. Saya bukan hendak meniru dia. Kita tidak boleh meniru orang. *Kita* [menjadi] diri sendiri sahaja. Kita tidak boleh menjadi Ronaldo. Kita boleh jadi Dali Omar Sahaja.

MA: Kalau pemain dalam negara pula yang menjadi inspirasi. Bagaimana pula dengan pemain dalam negara yang menjadi inspirasi tuan. Contohnya Mokhtar Dahari.

DO: *Dia* [Mokhtar Dahari] itu seperti anak murid saya dahulu. Dia membawa kasut pergi ke stadium ketika dia masih kecil. Jadi, *ada lah* [meminati dia] di sebelah kiri saya.

MA: Maksud saya ketika zaman dahulu tuan meminati George Best tetapi pemain dalam negara pula tuan minat siapa?

DO: Saya pada masa itu, bermain di sini, di dalam Malaysia dalam 4 bulan--. 4 tahun--.5 tahun sahaja. Pada masa itu, saya bermain dengan Wan Zawawi *midfield player* [pemain tengah] kita, Datuk Gani Miat sudah arwah, Aktor Khor sudah arwah. Stanley Gabriel, Datuk M. Chandran, semua ada. Pada masa dulu, saya yang *lebih sekali* [paling hebat] tetapi Datuk Gani Miat lah yang paling hebat sekali. Dia *panggil* [digelar] raja bola tetapi kaki dia tidak membunuh. Kaki *kita* [saya] ini *membunuh* [berbahaya] sentiasa masuk [membuat jaringan] sahaja.

MA: Dahulu pernah *masuk* [bermain] di Sydney, Perth?

DO: Di Perth, Azurri?

MA: Ya.

DO: *You* [Awak] boleh baca artikel di situ. Azurri ketika itu datang di sini. *Dia* [Azurri] datang ke seluruh asia mencari *stryker* [penyerang] sebab dalam pasukan Azurri ada *tiga* [3] *stryker* [penyerang]. Jadi *satu orang* [seorang] akan direhatkan, *pencen* [bersara]. Jadi Azurri ingin mencari orang untuk *masuk di tengah itu* [menggantikan]. Apabila Azurri datang ke seluruh asia mencari *stryker* [penyerang] tetapi tidak jumpa, Azurri datang ke Kuala Lumpur serta Kota Bharu untuk bermain *friendly game* [perlawanan persahabatan] dengan *Kelantan* [Kelab Kelantan]. Ketika itu *kita* [Kelantan] kalah 4-2 tetapi saya *score* [menjaringkan] 2 gol. Sebab itu Azurri bimbang sedikit mengenai kebolehan saya jadi dia nak [mahukan] saya. *We got everything* [Kami ada segala-galanya].

MA: Macam mana mereka *approach* [membuat pendekatan] tuan?

DO: Selepas bermain perlawanan tersebut. Malam itu ketika *dinner*

[makan malam] Azurri datang dan *tap shoulder* [memegang bahu] serta berkata "*im interested in you, you have everything, I want you to come to Australia to play with us.*" [saya berminat dengan awak, awak ada segalanya, saya mahu awak datang ke Australia untuk bermain bersama kami]. Pada masa itu, gaji saya sepuluh ringgit sahaja. Selepas pergi ke sana, sejuta [ringgit] lebih. Saya pasal---. Sebab-sebab saya pergi ke luar negara kerana pada masa itu duit *tidak ada* [sedikit] jadi kita kena ingat, kita bermain tidak sampai semua [seumur hidup] paling *tinggi* [lama] 15 tahun sahaja. Selepas pada *tu* [itu],, saya nak hidup dengan apa? Betul atau tidak? Saya hendak hidup dengan apa? Saya tidak mempunyai kerja---. Nak makan minum. Betul atau tidak?

MA: Betul

DO: Jadi saya ambil kesempatan---. Bermakna saya punya *ambition* [cita-cita] ke luar negara, saya *dapat* [tercapai].

MA: Berapa lama *duduk* [tinggal] di sana?

DO: Tidak lama, *dua puluh sembilan* [29] tahun. Ya lah. Merata-rata tempat ada yang *tiga* [3] tahun. Lepas pada *tu* [itu], pergi sana pergi sini, pergi sana, pergi sini---. *Macam* [seperti] di sini. *Main* [Bermain untuk] *Kelantan* [Pasukan Kelantan] main di *Pahang* [Pasukan Pahang]. *Macam* [Seperti] itu lah.

MA: Sewaktu di Perth Tuan ada mengalami *Cultural Shock* [Kejutan budaya] seperti *speaking* [berbahasa inggeris]?

DO: Tidak ada. *Pasal* [Sebab] waktu saya pergi saya sudah lancar *English* [Bahasa inggeris]

MA: Sudah lancar?

DO: Sudah lancar. Saya 'Sekolah King George V', *English School* [sekolah Bahasa inggeris] di *Seremban* [Negara Sembilan]. Jadi

Okey [baik] dengan Bahasa itu saya *okey* [baik]. Tidak ada apa-apa.

MA: Apakah kenangan manis ketika bermain bola sepak?

DO: Kenangan manis---. Kenangan manis saya membawa pasukan *Angkatan Tentera [ATM]* masuk ke *final* [perlawanan akhir] satu, dan membawa *Kelantan* masuk *final* [perlawanan akhir] satu, di 'Piala Malaysia' tetapi *dua-dua* [kedua-duanya] kalah. Tidak mengapa. *At least we are there* [sekurang-kurangnya kita ada di situ].

MA: Kalah tetapi tuan *top scorer* [penjaring terbanyak] kan?

DO: Ya begitulah ceritanya. Saya *top goal scorer* [penjaring terbanyak] 'Piala Malaysia'. Daripada 28 gol saya *score* [menjaringkan] 24 untuk Kelantan.

MA: Dahulu tuan pernah bermain untuk Malaysia?

DO: Ya pernah. *Malaysian youth* [Pasukan muda Malaysia] dahulu macam [seperti] '*AFF* [Asian Federation Football] Suzuki'. Pada ketika dahulu ada satu sahaja '*Malaysian Youth Tournament*' [Pertandingan Pasukan Muda Malaysia]. Satu sahaja. Sekarang ini sudah ada banyak. '*SEA* [South East Asia] Games' [permainan] lagi, macam-macam ada. Lepas pada tu [itu],, 'Pesta Merdeka'. 'Pesta Merdeka' pun saya main juga. Banyak tournament dahulu.

MA: Sejak dahulu, bagaimana tuan berlatih *sampai* [sehingga] ke tahap ini?

DO: Kita kalau ingin menjadi *stryker* [penyerang] yang digeruni oleh pemain-pemain lain. *Striker* [Penyerang] ni kena [harus] *score goal* [menjaringkan goal] Apabila *stryker* [penyerang] yang gaji mahal pun 10 kali, sebiji pun tidak boleh *score* [jaring] lagi. Kita yang 10 ringgit setiap kali bermain *sebiji* [satu gol] sekali *score* [jaring]. Jadi

kita ada taktik kita bermakna saya pada masa itu 100 biji bola setiap hari itu sudah *guarantee* [pasti]. *Shooting practice* [Latihan sepakan] di belakang tadbir, bukan pergi *training* [berlatih] 2 jam atau sejam. Kita *kena* [mesti] buat masa sendiri. *Heading* [Tandukan] kita, *speed* [kelajuan] kita, *ball control* [kawalan bola], semua kita *practice* [berlatih] sendiri.

MA: *Extra training* [Latihan lebih] ?

DO: Ya *extra training* [latihan lebih]

MA: Memang dari kecil mengamalkan *training* [latihan] itu?

DO: *Exercise* [Senaman], *Fitness* [Kecerdasan], makanan, semua itu---. Yang pertama sekali makanan.

MA: Makanan *kena* [harus] jaga?

DO: Makanan *kena* [harus] jaga. Makanan mustahak untuk tubuh kita tetapi di sini *main* [makan] kari, gula, goreng minyak. Main tidak sampai setengah jam sudah letih. Tetapi yang paling betul-betul memberi *energy* [tenaga] kepada tubuh ialah spaghetti. *Dia* [spaghetti] memberi Kabohidrat. Selepas kita main, tubuh kita tidak penat.

MA: Adakah disebabkan kandungannya?

DO: *Dia* [Spaghetti] mengandungi *wheat* [gandum] dalam itu. *Spaghetti* mempunyai Kabohidrat. Banyak kabohidrat. Kalau *you* [kamu] *try* [cuba] bersahur pada bulan puasa. Satu hari tidak lapar dan selepas bermain tidak berasa letih. Selepas main *sembilan puluh* [90] minit, *you* [kamu] keluar tidak berasa letih.

MA: Jika tuan tidak menjadi pemain bola sepak, pekerjaan apakah yang tuan minat?

- DO: Saya pada masa itu kerja kuat di *TNB* [Tenaga National Berhad], askar. Nama sahaja kerja tetapi tidak bekerja sebenarnya. Selepas 3 hingga 4 tahun saya *keluar* [berhenti]. Tidak *banyak* [lama].
- MA: Tuan memang first [pertama sekali] bekerja sebagai *ATM* [Angkatan tentera Malaysia]?
- DO: Ya. *First* [Pertama] di *ATM* [Angkatan Tentera Malaysia]
- MA: Adakah tuan kerja sahaja ataupun bermain bola?
- DO: Kerja sambil bermain bola. Kalau ada *duty* [tanggungjawab] saya pergi. Tak ada *tight* [terikat]. *Schedule* [Jadual] tidak ada. Nama sahaja askar. *Military* [askar] polis.
- MA: Saya berasa pelik apabila membaca sejarah *ATM* [Angkatan Tentera Malaysia] dalam artikel tersebut menulis tentang tuan bermain bola banyak banyak daripada bekerja. Adakah berita tersebut benar?
- DO: Ya. *Memang*. [Sebegitulah]
- MA: Lepas pada *tu* [itu], tuan *balik* [pulang] ke Kelantan?
- DO: Ya, Lepas pada *tu* [itu], saya *balik* [pulang] ke Kelantan. Sudah ada maklumat dalam *itu* [artikel] kan? Ambil dimana artikel tersebut?
- MA: Dalam internet ada. Dalam ini [surat khabar] pun ada. Ketika bermain bola dahulu, apakah *injury* [kecederaan] yang paling serius?
- DO: Ya. Ini dia. Semenjak saya bermain bola, saya tidak pernah berehat seminggu atau 2, 3 hari. Sekarang dia *hentam* [terjah] orang itu, dia yang sakit. Bukannya orang yang *hentam* [terjah] dia. Jadi, *injury free* [bebas kecederaan] .

- MA: Tidak pernah ada *injury* [kecederaan]?
- DO: Tidak pernah. Sebab saya mempunyai *speed* [kelajuan] yang kuat daripada dia, saya *bermain* [main secara] cerdik. Saya tidak bermain secara *hot temper* [panas baran], hentam [terjah] orang sahaja. Saya tidak buat semua itu. *Kita* [Saya] *sportsmen* [ahli sukan]. Saya main begitu sahaja. 20 tahun bermain pun tidak pernah cedera.
- MA: *Not even one week?* [Meskipun satu minggu]
- DO: Ya. *Not even one week* [Meskipun satu minggu]. Tetapi ada satu--. Pada masa itu--. Zaman remaja, orang terpijak *ini* [betis] keras. Jadi pada masa itu German--. Dr Kremer datang. Saya nak pergi Saigon. Pada masa itu saya bermain untuk *Kelantan* [Pasukan Kelantan]. Dia hendak *stryker* [penyerang]. Terpaksa pergi sebab *Kelantan* [Pasukan Kelantan] panggil. Saya pergi terhuyung-hayang. Sampai di sana dia *tuptup* [urut]. Selepas lima [5] hari saya boleh berjalan. Selepas [10] hari boleh sepak. Ketika itu sebelas [11] hari tinggal. Terus saya pergi Saigon.
- MA: Berbeza atau tidak *treatment* [pemulihan] di sana dan di sini?
- DO: Memang berbeza.
- MA: Dahulu mereka tidak mempunyai teknologi jadi adakah mereka lebih kepada teknik mengurut?
- DO: Urut ini sebenarnya tidak menjadi. Macam mana sekali pun ankle dan semua ini —. *Ice* [Air batu] sahaja. Cuba tengok *Rugby League Union* [Liga Ragbi]. Tengok sahaja. Keluar sahaja air batu.
- MA: Bukankah sekarang kita mempunyai alat semburan sejuk?
- DO: Kawan saya sekarang, Abu Salim namanya. Dia seorang bekas pemain Malaysia. Arwah saya rasa sekarang. Disebabkan *kita*

[kami] nak *memakai* [menggunakan] dia, setiap perlawanan kita mesti *inject* [suntik] *ankle* [buku lali] dia sehingga rosak kaki dia. Sudah tua tidak boleh berjalan. Too much *injection* [Terlalu banyak suntikan].

MA: Ketika bermain bola dahulu siapakah pemain yang paling kreatif yang pernah berganding dengan tuan?

DO: Saya bermain dengan Abu Salim, Datuk Gani Mihad, M. Karatur. M. Karatur bermain *left wing* [sayap kiri] Malaysia dan Wan Zawawi. Ketika di Kelantan bermain bersama Wan Zawawi. Ketika bersama pasukan Malaysia tidak sempat. Saya *tinggal* [pindah] baru dia *masuk* [mewakili] Malaysia.

MA: Pemain bola *dulu* [dahulu] ada masalah disiplin tak?

DO: Ada. *Dia* [Kita] *kena* [harus] ajar *pulak* [dahulu] dia punya *control* [kawalan], Nak *lambung* [hantar] ke mana. Sekarang ini *tak* [tidak] boleh.

MA: Adakah sebab *mereka* [pemain] tidak *train* [berlatih] *benda* [latihan] itu ataupun--.

DO: *That's Right* [Memang betul]. *Lack of training* [Kekurangan latihan], *fitness* [kecerdasan] dan fizikal *tak* [tidak] ada. Semata-mata duit sekarang ini. Semata-mata duit. Gaji berpuluh-puluh ribu itu main berpuluh-puluh kali *tak* [tidak] *score* [jaringan] sebiji pun.

MA: *Masa* [ketika] bermain bola dahulu, apakah kontroversi yang paling dasyat tercetus?

DO: *Masa* [ketika] saya *dulu* [dahulu], *tak* [tidak] ada. Selepas saya *pergi* [berpindah], baru lah *dia* [kelab bola sepak] rasuah sini kan. Ingat atau *tak* [tidak]? *Habis* [Banyak] *kena* [di] gantung. Saya *naik* [bersemangat] kerana penyokong-penyokong yang *support* [menyokong] di belakang, *boost* [sokong] kita, *turbo charge*



[menaikkan tenaga dengan segera]]. Jadi maknanya, *tak* [tidak] ada *supporters* [penyokong], *we are nothing*. [kita bukan sapa-sapa].

MA: Selepas bermain bola, pernahkah rasa untuk menjadi jurulatih?

DO: Saya jurulatih dah sekarang. Di sana pun, *playing coach* [jurulatih dan bermain]. Main dan ajar. *Masa* [Ketika] itu *tak* [tidak] ada *certificate* [sijil]. *Dia* [Pada] ini tahun 80-an [1980] baru ada *certificate* [sijil], ada lesen. Mengikut [Pendapat] saya lah, kalau ada lesen pun *tak* [tidak] boleh *jadi* [menjadi] jurulatih.

MA: Pasal [sebab] apa?

DO: Sebab dia tidak main sendiri. Sekolah-sekolah, kebanyakan cikgu *boleh* [dapat] lesen dah. Adakah mereka boleh ajar budak-budak *tu* [itu]? *Tak* [Tidak] boleh. Kalau mengajar *mengaji* [mata pelajaran] *okey* [bagus] lah. Dalam hal bola sepak *tak* [tidak] boleh. Bukan belajar undang-undang *saja* [sahaja]. Itu dia. *Dia* [Cerita] *goni* [macam ini] kena buat *dulu* [dahulu], kena *rasa* [cuba] *dulu* [dahulu] baru boleh mengajar. Kalau tidak, tidak boleh.

MA: Bukankah jurulatih *ada* [mempunyai] *grade* [taraf] *macam* [seperti]--

DO: *Dia* [Jurulatih] ada grade dia tetapi teknikal nya. *You can create, Even you can be a coach. You intelligent enough to* [Awak boleh cuba buat dan awak juga boleh jadi jurulatih jika awak bijak] buat ini—. Sistem *sikit* [sedikit] – boleh tengok *tv* [televisyen], tengok 'Barcelona' [Kelab bola sepak Barcelona] main. Boleh juga, jadi pandai lah kita *tapi* [tetapi] adakah budak itu boleh *ikut* [belajar]?

MA: Betul (Ketawa). Pada pendapat tuan, apakah perbezaan pemain dahulu *dengan* [dan] sekarang?

DO: Berbeza. *Dekat* [Hampir] *lapan puluh* [80] peratus. *As I say before* [Seperti yang saya katakana sebelum ini]. *Dulu* [Dahulu] kita main

untuk negeri, negara dan penyokong. Sekarang ini semata-mata main untuk diri sendiri dan duit. Tengok *ranking* [carta] kita *la* [sekarang] ini. *Dulu* [Dahulu] *Sembilan puluh* [90] dah kita, naik *dekat* [hampir] *seratus enam puluh* [160] lebih. Malu juga *orang* [saya].

MA: Apakah pendapat tuan *yang* [menganai] kita kalah *lima satu* [5-1] kepada Vietnam.

DO: *Dia* [Jurulatih] salah letak *orang* [pemain]. Kalau dia [jurulatih] letak sistem yang [ketika] lawan *Pahang* [Pasukan Pahang] itu, *Selangor* [Pasukan Selangor] itu, *Alhamdulillah* [syukur] kita boleh *pukul* [kalahkan] Singapore. Kalau kita *bubuh* [masukkan] Ammutu itu awal, *Dia* [Jurulatih] *patut* [sepatutnya]. *I know he's injured* [saya tahu dia cedera] *tapi* [tetapi] *orang guni* [begini] sakit pun, dia *lasak* [cergas]. Malam *itu* [sebelumnya] dia *masuk* [bermain] dua *butir* [biji] gol.

MA: Adakah silap percaturan?

DO: Ya. Azrai Khor lah.

MA: Pemain yang ada sekarang ini, siapakah yang paling berkualiti?

DO: Ini namanya Wan—. '*Kecik*' [Wan Zarul Nizam]

MA: Wan Zarul Nizam?

DO: Baru ni saya ajar dia *shooting power* [kekuatan sepakan]. Mana boleh tengok ke atas dah *la* [sekarang] ini. Macam peluru *pergi* [kelajuannya] *la* [sekarang] ini.

MA: *Dia* [Wan Zarul Nizam] *score* [jaringan] baru ni?

DO: Ya, dia *score* [jaringan]. *Macam* [seperti] Wan Zack Haikal baru-baru ini—. *He dribble too much* [Dia gelecek terlalu banyak]. Satu

atau dua tidak apa. Tiga tidak boleh. *Orang tak boleh pergi* [Wan Zack Haikal tidak mampu sebab] --. Dia *tengah* [sedang] berlari--. Letih. *Lack of strength* [Kekurangan tenaga]

MA: Adakah *sebab* [kerana] dia baru *lepas* [pulih] *injured* [kecederaan]?

DO: Ya, dia baru *lepas* [pulih] *injured* [kecederaan]. Dia [Wan Zack Haikal] *tak* [tidak] boleh *fully recover* [pulih sepenuhnya] tu. Dia kena [cedera] sekali lagi, *busur* [bersara] lah dia.

MA: *Masa* [Ketika] main bola *dulu* [dahulu] pernahkah tuan bermain dalam permainan berat sebelah?

DO: Tidak kerana kita *suntuk* [terima] *bila* [apabila] kita kalah kan *tapi* [tetapi] tidak ada--. Kita *attacking* [menyerang] *sokmo* [bertubi-tubi]. Kita *score* [menjaringkan] gol *tapi* [tetapi] kita kalah *la* [sebab] *dia* [pasukan lawan] lebih daripada kita.

MA: Ketika dalam *game* [perlawanan] bagaimana pula untuk menghadapi *psycho* [psikologi] di atas padang?

DO: Kita bercakap sentiasa di atas padang. *La* [sekarang] ini *dia* [pemain bola] tidak *kecek* [bercakap]. Macam *dulu* [dahulu] kapten arah lagi. *Kita* [Kapten] *lagi* [juga] arah *budak-budak* [pemain-pemain] ini. Sama-sama kita ini. *La* [Sekarang] ini masing-masing main. Kapten--. *Pia* [Badrul Radzi] pun tidak ada *gaduh* [arah]. Tidak boleh *pasal* [sebab] *deorang* [mereka] bawah ni--. *Dia* [Kapten] *duduk* [bermain] di bawah dia nampak. Dia boleh arah--. Serang ikut sini. Pergi *attack* [serang] kanan, kiri. Ada orang belakang itu. Jadi banyak taktik dia dengan bola sepak ini. Kita *dulu* [dahulu] sebelum main, berlatih bersama-sama, berbincang dalam *room* [bilik persalinan] dahulu. *Lepas* [selepas] main, kita bincang pula. Kenapa kita kalah? Kenapa kita menang? *Pasal* [Kenapa] kita menang dua *butir* [biji]? Jadi kita *kena* [haruslah] kaji *belaka* [terperinci]. Kita jangan *lepas* [benarkan] *dia* [pemain] balik selalu.

- MA: Sekarang *tak* [tidak] ada kan?
- DO: Sekarang tidak ada. Suma *pakat* [segera] *boum* [balik]. Jadi *budak-budak* [pemain] ini *tidak dekat* [rapat] lah.
- MA: *Masa* [ketika] *duduk* [tinggal] di Australia dahulu dia *bagi* [tawarkan] rumah?
- DO: *Dia* [Azurri] *bagi* [tawarkan] rumah, kereta, kerja. Kalau kita *boring* [bosan] kan. *Dia bagi* [tawarkan] sahaja lah. Jadi *kita* [saya] kerja '*Gladio Plastic Factory*' [Kilang plastic gladio].
- MA: Buat apa di *situ* [kilang]?
- DO: Buat *PVC* [Polyvinyl Chloride] *Pipe* [paip], *pressure pipe* [paip tekanan] *hok* [yang] besar, hitam itu. *Kita* [Saya] buat *belaka* [kerja] itu. *La* [Sekarang] ini, kalau ada mesin, *uncle* [pakcik] boleh buat.
- MA: Kontrak di sini dan di sana, berbeza *ka* [atau tidak]?
- DO: Berbeza sini. Sini dia *perhati* [lihat] macam itu sahaja. Apabila *sign* [tanda tangan], tidak tanya *gapo* [macam mana]--. *Tak* [tidak]. *Dia* [Kelab] *pakat* [hanya] lepas begitu sahaja. *Tokse* [Tidak suka] dia buang *selalu* [sahaja]. Tidak teratur lah. Banyak lah beza.
- MA: Berbeza dengan luar negara?
- DO: Beza.
- MA: Luar negara macam mana? Adakah dia tanya *dulu* [dahulu] apa yang kita *nak* [mahu]?
- DO: Ya. *Are you okey? How is your family?* [Awak sihat atau tidak? Bagaimana keadaan keluarga awak?] *Dia* [Kelab luar negara] tanya. *How do you feel* [Macam mana perasaan awak]? *Dia* [Kelab luar negara] tanya *sokmo* [selalu]. *You want to go back, one week?*

*Two week?* [Awak nak balik rumah seminggu atau dua minggu?]  
Tanya sahaja. Sini *dia* [kelab bola sepak tempatan] *makan* [ambil berat] *puak-puak* [sama-sama] mereka sahaja.

MA: (Ketawa) Sewaktu kerja dahulu, tidak terikat dengan kerja kilang 'PVC' [Polyvinyl Chloride] itu?

DO: Tidak ada.

MA: Macam mana—.

DO: Masa itu *rest season* [musim berehat] lah.

MA: Sudah habis *season* [musim]?

DO: Ya. *Kita* [saya] bukan kata nk kerja sangat. *Nak* [Hendak] ambil pengalaman, nak buat sesuatu.

MA: Masa bermain bola di Australia, *uncle* [pak cik] *dah* [sudah] kawin?

DO: *Dah* [sudah].

MA: Pada pendapat tuan, *player* [pemain] sekarang *lepas* [selepas] berkahwin *saja* [sahaja] mesti *fitness down* [kecergasan menurun]. Betul atau tidak?

DO: Tengok '*Pok Nik*' [Khairul Fahmi Che Mat] lah. *Tak* [Tidak] boleh. Dia *kot* [macam] mana pun dia kena [mesti] belajar jaga diri. Dia *intercause* [hubungan kelamin], *sex* [hubungan seksual] ini *very very powerful to the body* [sangat kuat kepada tubuh badan]. *Kena* [Harus] jaga. *Dia* [hubungan seks] ada rutin dia. *Intercause* [hubungan kelamin] ini —. Tidur *selalu* [segera]. Orang bangun lah dahulu. Jalan kaki, minum air ka, isap rokok *sepuntung* [sebatang] atau dua ka. Baru tidur. Kalau buat *exercise* [senaman] lagi baik. *Sportsman* [Ahli sukan]. Ini lepas *main* [hubungan seks], tidur. Urat itu tengah —

MA: (Ketawa) Betul. Memang orang kaji *ka* [mengenai] *intercause* [hubungan seks] ini akan—

DO: *Dia* [Ceritanya] begini. *Nothing wrong with intercause* [hubungan seks]. Pele itu, nak *main* [melakukan hubungan seks], pukul lima dia *masuk dah* [turun padang]. *Pasal* [Disebabkan] *fitness* [kecergasan] dia itu. *Pasal* [Sebab] *once you clear your body* [apabila kamu membersihkan badan kamu], *When your orgasm, your mind and your eyes are very very clear* [Bila kita klimaks, minda dan mata kita menjadi sangat segar]. Faham tidak? *Jadi* [Menjadi] *stabilize* [stabil]. Terang. Setengah orang *reading* [membaca], setengah orang suka tengok *movie* [cerita] sebelum main. Setengah orang tidur. *So not only one person, same.* [Bukan semua orang sama]. Semua lain-lain. *Atas* [terserah pada] orang, apa dia suka. Setengah orang pergi *drive* [memandu], setengah orang tidur. Macam-macam lah. *Got nothing to do with sex* [Tidak ada kena mengena dengan hubungan sex]. Seks ni dia—. *Its good for you body effect but you have to know how to do it, to look after it* [Seks bagus untuk badan tetapi anda kena tahu bagaimana hendak melakukannya, hendak menjaganya].

MA: *Masa* [Ketika] bermain bola dahulu, formasi yang digunakan sama *tak* [atau tidak]?

DO: Sama. 'W', 'M' *gapo-gapo ka* [seperti itu]. '*Four-two-four*' [empat-dua-empat], '*Five-three-two-one*' [lima-tiga-dua-satu]. Sama sahaja. Tetapi *demo* [pasukan Malaysia] ini *main four-four-two* [empat-dua-empat]. Saya perhati *dia* [pasukan Malaysia] main *macam* [seperti] ayam. Tengah itu ada padi—. Tengah itu—. *gogok* [serbu]. *So in football* [Di dalam bola sepak] ini, *you have to train yourself, desicpline yourself, follow the system from the start to the finish.* [kamu harus latih diri kamu, mendisiplinkan diri kamu serta ikut sistem dari awal sampai akhir. *Overlapping* [Naik tinggalkan posisi] lagi, *short passing* lagi [hantaran dekat], *running one-two* [berlari satu-dua] lagi. Banyak. Tetapi kita *perhati* [lihat] *la* [sekarang] ini,

*team* [pasukan] 'Malaysia' ka, 'Kelantan' [Kelantan FC] ka, mana ka. *Macam* [Seperti] pasukan itu kan—. *Dia* [pasukan] main *short pass* [hantaran dekat] sampai tengah *itu* [padang] dia main itu—. Kita panggil *shortcut*. *Lambung* [Hantaran] --. Kita jadi *punah* [huru-hara]. Jadi *every attack* [semua serangan tidak *complete* [sempurna]. *You* [Kamu] kalau balik ini, orang tidak tahu hal ini. Tiang gol itu kalau kita *perebah* [jatuhkan]. *You* [Kamu] atur bola *selajar* [sebaris] sampai ke bawah. Kita ada berapa *butir* [biji] dalam *itu* [tiang goal]. Kata lah--. Kita kata *dua ratus* [200] *butir* [biji] bola masuk satu gol. Selepas itu kita *buang* [keluarkan] goalkeeper ini --. *Tiga puluh* [30] *butir* [biji] kita buang. Kosong. Tinggal lagi *seratus tujuh puluh* [170]. Kita ada *sembilan puluh* [90] minit untuk *score* [jaringan] *sebutir* [sebiji], boleh masuk? Ini lah orang *mat salleh* [orang barat] *panggil* [gelar] *professor*. Kita terfikir --. Orang tidak *terlintas* [terfikir] benda ini. *Seratus lapan puluh* [180] *butir* [biji] kita main itu. Nak masuk satu *butir* [biji] pun *payah* [susah]. *Okey, why* [Baiklah, kenapa?]. Tanya saya--. *Pasal* [Sebab] *stryker* [penyerang] itu. *Kaki buta* [kaki botol]. *Macam* [seperti] *dia* dahulu tidak boleh bergurau. Kalau saya *teh* [sepak] situ, situ *dia* [bola] masuk. Bola dengar *kata* [cakap]. *Accuracy* [Ketepatan] dia panggil. *La* [Sekarang ini] *the* [sepak] situ naik ke atas. Jadi *payah* [susah] lah. *I want to make a statement* [Saya ingin mengatakan sesuatu], lagenda kata begini "stryker yang digeruni tiap-tiap main itu, at least *sebutir dia kena score*. *Walaupun kalah atau menang, sebutir dia kena score.*" [Penyerang yang digeruni setiap kali bermain mesti menjaringkan sekurang-kurangnya satu gol sama ada menang atau kalah.] *Pasal* [Sebab] luas dalam *itu* [jaring gol], *seratus tujuh puluh* [170] *butir* [gol] boleh masuk.

MA: Tuan tidak pernah kemarau gol?

DO: Tidak pernah. Ada *sokmo* [sahaja]

MA: Paling lama tidak—.

DO: Ada lah sekali sekala. Tetapi ada *sokmo* [sahaja].

MA: Khabar angin mengatakan liga *kita* [Malaysia] ini *grade* [taraf] lebih rendah daripada Thailand, Singapura. Benar ataupun tidak?

DO: Thailand *tokse* [tidak mahu] mari [datang] sini dah *la* [sekarang] ini. Buat *cemar* [kotor] kaki dia sahaja. Habis duit *dia* [Thailand].

MA: Apakah kecederaan sirius yang paling ditakuti pemain bola?

DO: Saya?

MA: (Angguk)

DO: Tidak ada.

MA: *Kalau* [Jika] pemain bola sepak lain, apa yang paling *teruk* [ditakuti]?

DO: Orang lain lutut lah. Lutut, *ankle* [buku lali] kepala. *Masa* [Ketika] main dulu *orang* [pemain lain] tidak boleh *masuk* [hadapi] *kita* [saya]. *Kita* [saya] liar.

MA: (Ketawa) *Macam* [seperti] Messi lah?

DO: Lebih daripada itu. Badan lebih kurang dengan *demo* [saya]. *La* [sekarang] ini, *dia* [pemain] *hentam* [terjah] *orang* [pemain lain], dia yang sakit. Bukan nya orang *hentam* [terjah] dia. Tengah [sedang] berlari--. Orang *hentam* [terjah] *ikut* [dari] belakang. Tidak bodoh namanya?

MA: Main jahat. (Ketawa)

DO: Jahat.

MA: Tetapi dikatakan itu salah satu *strategy* [helah] dalam bola sepak --. Main kotor, psikologi.

DO: *There is* [dalam] --. *In sportsmanship spirit* [Dalam semangat



bersukan] orang tidak buat begitu. *You tackle, tackle ball first* [Kalau terjah, terjah bola dahulu]. Jangan *tackle* [terjah] orang. *You tackle ball* [Kamu terjah bola] orang jatuh tidak apa. Ini *tackle* [terjah] orang dahulu baru *ball* [bola]. Mana [*Tidak*] boleh. *Clean tackle* [Terjah secara bersih].

MA: Adakah saiz fizikal pemain menjadi halangan pemain-pemain Malaysia untuk maju lebih ke hadapan *lagi* [kelak]?

